

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PENTAKSIRAN ALTERNATIF SEKOLAH RENDAH (PASR)**

SENARAI MATA PELAJARAN DITAWARKAN

MATA PELAJARAN PROKHAS 1	MATA PELAJARAN PROKHAS 2
041 Kemahiran Hidup (Penternakan), Bahasa Melayu dan Matematik	045 Pendidikan Sains, Sosial dan Alam Sekitar dan Bahasa Inggeris
042 Kemahiran Hidup (Jahitan), Bahasa Melayu dan Matematik	
043 Kemahiran Hidup (Masakan), Bahasa Melayu dan Matematik	
044 Kemahiran Hidup (Perkebunan), Bahasa Melayu dan Matematik	

PANDUAN MENGISI BORANG PENDAFTARAN PEPERIKSAAN

Calon hendaklah membaca semua arahan dengan teliti sebelum mengisi Borang Pendaftaran Peperiksaan. Borang hendaklah diisi dengan tulisan tangan calon sendiri menggunakan pena mata bola sahaja.

1. **Tahun** - Tulis tahun calon menduduki peperiksaan PASR semasa.
2. **Nama Calon** - Tulis nama calon dengan **HURUF BESAR** seperti yang tercatat dalam kad pengenalan. Gunakan satu petak bagi setiap satu abjad.
3. **Nombor Pengenalan Diri** - Tulis **nombor pengenalan diri (My Kid) calon sahaja**. Gunakan satu petak bagi setiap satu angka kad pengenalan (**My Kid**). Tulis dari petak pertama sebelah kiri.
Jika calon tiada kad pengenalan (My Kid), kosongkan petak tersebut. (jana Nombor Janaan LP dalam sistem pendaftaran dalam talian)
4. **Tarikh Lahir** - Tulis tarikh lahir calon seperti yang tercatat dalam kad pengenalan. Gunakan satu petak bagi setiap satu angka tarikh lahir. Tulis angka 0 pada petak sebelah kiri nombor jika nombor bagi hari atau bulan lahir calon satu digit.
5. **Jantina** - Pilih dan tulis kod seperti berikut:- 1 – Lelaki 2 – Perempuan.
6. **Keturunan** – Tuliskan keturunan calon.
7. **Agama** – Tuliskan agama calon.
8. dan 9. – **tidak perlu diisi oleh calon PASR.**
10. **Jenis Kecacatan (Tuliskan Nombor Kad OKU)** - Pilih dan tulis kod seperti berikut:-

A – Masalah Pembelajaran	B – Kurang Upaya Penglihatan (Buta)
C – Kurang Upaya Pelbagai	D – Kurang Upaya Pertuturan
P – Kurang Upaya Pendengaran	R – Kurang Upaya Penglihatan (Rabun)
F – Kurang Upaya Fizikal	
- No.11 dan No.12, **tidak perlu diisi oleh calon PASR.**
13. **Warganegara*** - Tuliskan negara asal calon bagi calon bukan warganegara Malaysia.
14. **Alamat** 15. **Poskod** 16. **Bandar** 17. **Negeri**.
- Tulis alamat surat menyurat calon dengan lengkap iaitu nombor rumah, jalan, taman/kampung, poskod, bandar dan negeri.
18. dan 19. – **tidak perlu diisi oleh calon PASR.**
20. **Pendaftaran Mata Pelajaran (Rujuk senarai mata pelajaran di atas)**.
- Isikan kod kertas dan nama kertas mata pelajaran dalam ruangan yang disediakan.
21. **Keterangan Bayaran** – Tuliskan nombor kiriman wang dan tarikh dikeluarkan.
Bayaran hendaklah dibuat menggunakan **Kiriman Wang / Wang Pos** atas nama **Pengarah Peperiksaan**.
22. – **tidak perlu diisi oleh calon PASR.**
23. **Pengakuan Calon** – Calon / ibubapa / penjaga hendaklah membaca pernyataan pengakuan calon.
Calon / ibubapa / penjaga dinasihat menyemak butiran maklumat diri, maklumat mata pelajaran dan bayaran (untuk sekolah swasta). Setelah itu **turunkan tandatangan ibubapa / penjaga** dan tarikh.